

14 JUL 2004

Agong-Azizan

YANG DI-PERTUAN AGONG ANTARA RIBUAN YANG ZIARAH JENAZAH AZIZAN

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail adalah antara ribuan orang ramai yang menziarahi jenazah Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin di kediaman peribadi allahyarham di Bukit Segambut di sini.

Seri Paduka Baginda tiba di kediaman itu pada pukul 12 tengah hari untuk memberi penghormatan terakhir.

Terdahulu bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak adalah antara yang paling awal menziarahi jenazah allahyarham.

Sultan Perak turut berangkat menziarahi jenazah pagi ini.

Azizan meninggal dunia di kediaman rasminya di Putrajaya pagi ini setelah mengadu sakit dada pada pukul 4.15 pagi.

Azizan, 69, yang juga Pengerusi Malaysia Airlines dan Perbadanan Putrajaya, meninggalkan seorang balu, Puan Sri Noor Ainee Che Teh dan tiga orang anak -- Amir Hamzah, 37, Datin Norizan, 34, dan Ikhwan 25.

Orang ramai tidak putus-putus mengunjung rumah allahyarham sejak awal pagi sebaik berita mengenai kematiannya disiarkan oleh media.

Antara yang kelihatan ialah bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam serta bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah, ahli korporat, serta sahabat-sahabat lama allahyarham.

Tengku Razaleigh Hamzah menyifatkan pemergian allahyarham sebagai satu kehilangan besar bukan sahaja kepada Petronas malah kepada kerajaan yang kehilangan seorang kakitangan yang setia.

Beliau berkata allahyarham merupakan seorang yang serius dan tekun bekerja dan menjalankan tugas serta tanggungjawabnya dengan efisien.

Bercakap kepada pemberita selepas menziarahi jenazah allahyarham, beliau berkata Azizan telah lama berkhidmat dengan kerajaan iaitu sejak Perdana Menteri ketiga Allahyarham Tun Hussien Onn lagi.

Tengku Razaleigh berkata ketika beliau menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian, alahyarham ialah Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan.

Jenazah alahyarham yang diusung memasuki van jenazah Perbadanan Putrajaya pada kira-kira pukul 1.40 tengah hari, dibawa secara berkonvoi ke Putrajaya untuk disembahyangkan buat kali kedua di Masjid Putrajaya sebelum dikebumikan di tanah perkuburan Taman Selatan Putrajaya.

-- BERNAMA  
AKT AM LAT